



BULETIN PMKu

POLITEKNIK METR0 KUANTAN



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE PMKu

MENARIK

- 07 **PMKu Cemerlang**
100% KPI Institusi bagi Tahun 2019
- 14 **Ops Hantar Pulang**
Pelajar terkandas akibat COVID-19
- 14 **PMKu HoTour 2.0**
meriah dengan pengisian aktiviti

- 26 **Pelajar PMKu**
Naib Johan Kategori IT dan Teknologi Pertandingan Online Bazaar Challenge Gerak Usahawan Kampus 2020
- 19 Most Like FB Award & Most Shared FB Award PolyCC Business Opportunity Through Social Media Competition 2020
- 23 Juara Penulisan Berita Sayembara Pena Siswa

- 26 **PMKu Berjaya**
Hadapi Audit Pematuhan ISO 21001: 2018 tanpa NCR
- 25 **PMKu peroleh**
4 Fundamental Award dan Anugerah Khas Polygreen 2020



ISSN 0126-0430

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 00368

CERTIFIED TO ISO 21001:2018
CERT. NO.: EOMS 00101

Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

SIDANG REDAKSI

Penaung

Rosli bin Zainuddin, AMP

Pengarah PMKu

Penasihat 1

Ahmad Tajudin bin Mustaffa

Timbalan Pengarah PMKu

Penasihat 2

Adilen @ Lucia binti Sul

Ketua Jabatan SA PMKu

Norsidah binti Othman

Ketua Unit BIPD

Editor

Effa Izzati binti Mahmun

Noor Syaida binti Abdul Rahman

Shahrul Azman bin Muhammad

Haslina binti Ahmad Muzakir

Nik Faradila binti Nik Ismail

Laporan & Gambar

Nik Mohd Haikal bin Mohamed Hassan

Wan Mohd Fahmi bin Wan Othman

Shahirah binti Muhammad Zin

Nurul Safawati binti Abd. Aziz

Nurullia Natasha binti Jamal

Muhamad Asyraf bin Rosli

Nor Akashah binti Kassim

Zarina binti Mokhtaruddin

Noor Farizan binti Basroh

Nurhidayah binti Hilimi

Surayahanim binti Ali

Hafizah binti Ismail

Madya bin Murat

Tan Kang Yee

Ng Siok Giek

Lee Pui Har

EDISI KHAS 2020

Hak Cipta Terpelihara © 2020 – Buletin PMKu.
Buletin PMKu diterbitkan dua kali setahun.
Sebarang cadangan, rencana, berita atau ulasan
boleh diajukan kepada:

Unit Penerbitan Buletin PMKu
Politeknik METR0 Kuantan,
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2,
Sri Dagangan II
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur.
Tel: +6095659000 Faks: +6095173259
Emel: BuletinPMKU@pmku.edu.my

BICARA PENA PENGARAH



Syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnia-Nya, Buletin PMKu ini berjaya diterbitkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan buletin ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja PMKu yang telah menyumbang kepada pengisian buletin sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penerbitan buletin ini sangat penting sebagai salah satu platform penyampaian maklumat mengenai PMKu dan aktiviti yang dijalankan serta perkhidmatan yang disediakan.

Walaupun dalam suasana penjarakan fizikal akibat ancaman COVID-19, saya bersyukur kerana PMKu berjaya melaksanakan aktiviti yang dirancang dengan mengikuti SOP yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Syabas saya ucapan kepada semua warga PMKu.

Pelbagai peristiwa dirakamkan merangkumi perjalanan kisah suka dan duka warga PMKu di tahun 2020 ini. Suku tahun pertama yang penuh duka kerana kehilangan seorang warga yang paling senior dalam mencerah bakti ke PMKu seiring namanya Allahyarham Tuan Ustaz Bakti bin Ibrahim. Satu Kehilangan yang sangat dirasai dan pasti dirindui, semoga rohnya dicucuri rahmat dari yang Esa. Warna-warni 2020 terus begemerlapan dengan pelbagai anugerah dan kejayaan dilakarkan. Semoga ia menjadi suntikan semangat buat yang tinggal untuk terus mengukir kejayaan demi kejayaan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan dan pengisian berita untuk Buletin PMKu Edisi Khas 2020 ini. Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan warga PMKu.

Salam Hormat dan Selamat Membaca.

Rosli bin Zainuddin, AMP

Pengarah Politeknik METR0 Kuantan (PMKu)

19
NOV
2019

BENGKEL TAKLIMAT PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN PENGAJARAN EDISI 2019 & PENGUJIAN SISTEM PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM TALIAN ZON TIMUR 1

Bilik Mesyuarat PMKu



PMKu menjadi lokasi bengkel taklimat dan pengujian sistem Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) bagi Zon Timur Siri 1. Bengkel ini turut dihadiri oleh Sr. Asuralyzah binti Saleh (Timbalan Pengarah Unit Naziran, BIPD JPPKK), Pn Nuraini binti Harun (Penolong Pengarah Kanan Unit Naziran BIPD JPPKK) dan Encik Mohd Azhar bin Ahmad (Penolong Pengarah Unit Naziran BIPD JPPKK)



21
NOV
2019

LAWATAN AKADEMIK KE KILANG PEMPROSESAN SUSU UHT MILIK THE HOLSTEIN MILK COMPANY SDN BHD (FARM FRESH) DAN RUMAH SEMBELIH HAJI ADAM SDN BHD (ROMPIN BEEF)

Rompin, Pahang



3 Pensyarah Akademik PMKu bersama pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI), Puan Ng Siok Giek telah mengadakan lawatan akademik ke Kilang Pemprosesan Susu UHT milik The Holstein Milk Company Sdn Bhd (Farm Fresh) dan Rumah Sembelih Hj Adam Sdn Bhd (Rompin Beef). Terima kasih diucapkan kepada The Holstein Milk Company Sdn Bhd serta Encik Muhammad Hj Adam, di atas kesudian menerima kunjungan dan berkongsi ilmu berkaitan industri tenuus. Semoga susulan daripada lawatan ini, jalinan hubungan kolaborasi dapat diusahakan.



29
NOV
2019

PERHIMPUNAN BULANAN PMKu SUKUAN KEEMPAT 2019 SERTA SAMBUTAN HARI AKADEMIA

Restoran Al Dante, Kuantan, Pahang

Perhimpunan Bulanan PMKu Sukuan Keempat 2019 (Oktobre - Disember) serta sambutan Hari Akademia telah berlangsung di Restoran Al Dante, salah satu rangkaian restoran milik Chef Azzaharul bin Wahab. Chef Azzaharul bin Wahab dikenali sebagai Chef Azam merupakan penasihat industri serta rakan kolaborasi PMKu. Program ini merupakan anjuran program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP), Jabatan Pengajian Am (JPA), UPLI dan Unit Peperiksaan. Pelbagai pengisian program telah berlangsung dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang cabutan bertuah serta penerima Anugerah Pekerja Contoh.



4
DIS
2019

MINGGU TRANSFORMASI SISWA PELAJAR BAHRU SESI DISEMBER 2019

Sekitar PMKu

Minggu Transformasi Siswa anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMKu telah berlangsung dengan jayanya. Objektif utama program ini adalah untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu ke PMKu, memberikan pendedahan kepada pelajar baharu tentang budaya dan peraturan di PMKu serta memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan suasana PdP PMKu.



11
DIS
2019

PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA RANGKAIAN RESTORAN MOHD CHAN

Bilik Mesyuarat PMKu

PMKu berbesar hati menerima kunjungan Encik Fauzal, Pengurus Restoran Mohd Chan cawangan Indera Mahkota Kuantan yang akan mengadakan Perasmian pembukaan pada 14 Disember 2019. Rangkaian Restoran Mohd Chan adalah restoran berkonsepkan makanan Cina yang sudah lama bertapak di Kuala Lumpur. Beberapa inisiatif kerjasama seperti peluang latihan industri pelajar, peluang pekerjaan dan perkongsian kepakaran telah dibincangkan secara kritis.



12
DIS
2019

PENYERAHAN WATIKAH KERJASAMA STRATEGIK PMKu – MPK

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)

Majlis ringkas penyerahan sijil watikah kerjasama strategik antara PMKu dan MPK telah berlangsung di pejabat YDP MPK. Watikah telah disampaikan oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin kepada Yang Dipertua MPK, YH. Dato Hamdan bin Hussin. Semoga kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



13
DIS
2019

PENYAMPAIAN SIJIL PENYERTAAN PROGRAM PAHANG 1ST @ SUNGAI LEMBING

Bilik Mesyuarat PMKu



Majlis penyampaian sijil penyertaan Program Pahang 1st @ Sungai Lembing, Kuantan daripada Penghulu Mukim Sungai Lembing, Encik Roslan bin Amat kepada Ketua Jabatan Akademik (KJA) PMKu, Cik Norhaslin binti Abu Hassan. Sijil ini adalah penghargaan kepada 8 orang pelajar PMKu yang telah menyumbang bakti dalam program yang telah dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang.



19
DIS
2019

PROGRAM PENANAMAN POKOK

Hentian Gambang, Kuantan

Program penanaman pokok di Gambang anjuran MPK selaku penasihat industri PMKu telah berlangsung. Program ini disertai oleh 15 orang pelajar DUP semester 5 bersama 2 pensyarah pengiring, Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Puan Nadiatul Hanis binti Jailani. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengindahkan Kuantan ke arah Bandaraya dan juga untuk memenuhi keperluan kursus DTM6033 Sustainable Tourism. Program ini dirasmikan oleh YH Dato Yang Dipertua MPK. Selain PMKu, penyertaan juga melibatkan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMT), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan kakitangan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Gambang, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).



19
DIS
2019

EMPOWER YOUR ENGLISH THROUGH GREEN PROJECTS

Aras 6 PMKu

Sambil mempelajari Bahasa Inggeris, amalan hijau juga boleh diterapkan dalam proses PdP. Menerusi program ini, pelajar semester 1 PMKu perlu menanam sebatang pokok dan membentangkan refleksi perkembangan pokok tersebut di dalam kelas dari masa ke masa.



27
DIS
2019

PROJEK PERTANIAN KEUSAHAWANAN PMKu: CENDAWAN

Aras 6 PMKu

Cendawan merupakan salah satu projek pertanian Unit Keusahawanan PMKu yang diusahakan di aras 6 PMKu. Projek tersebut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada MPP PMKu di bawah seliaan Encik Muhamad Asyraf bin Rosli selaku penasihat. Dengan pendedahan tentang penanaman cendawan, Unit Keusahawanan PMKu bersama MPP PMKu mengusahakan tanaman ini di PMKu dan kini sudah mula menunjukkan hasil. Hasil yang dituai akan dijual segar atau dijadikan produk makanan untuk dikomersilkan di sekitar PMKu.



1
JAN
2020

KELAB SILAT SENI PMKu

Aras 6 PMKu

Kelab Silat Seni PMKu dengan pemantauan penasihat, Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamad Hassan telah mengadakan latihan di ruangan aras 6, PMKu. Ruang rooftop ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelbagai aktiviti PdP, ko-kurikulum dan juga ekstra-kurikulum oleh pensyarah dan pelajar.



2
JAN
2020

LAWATAN KEUSAHAWANAN PMKu: PUSAT PENANAMAN DAN SEMAIAN CILI

Seri Mahkota, Kuantan, Pahang

Unit Keusahawanan PMKu telah berkunjung ke pusat penanaman dan semaihan cili di Seri Mahkota Kuantan. Lawatan ini telah diketuai oleh Ketua Unit Keusahawanan PMKu, Encik Anuar bin Ismail. Tanaman ini merupakan antara tanaman yang mempunyai prospek tinggi untuk diusahakan di aras 6 (rooftop) PMKu.



8
JAN
2020

PILIHANRAYA KAMPUS PMKu

PMKu

Pilihanraya kampus telah berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama semua ahli jawatankuasa Pilihanraya Kampus dan para pelajar. Majoriti pelajar turun mengundi dan melaksanakan tanggungjawab mereka dalam memilih pemimpin pelajar yang akan menjadi suara mereka. Tahniah di atas pelaksanaan pilihanraya yang bersih dan selamat di PMKu.



9
JAN
2020

SALAM TAKZIAH :

إِنَّا لَنَا لِرَوْحَةُ الْمَيِّتِ إِنَّمَا تَحْكُمُ الْأَنْجُونَ

Menerima berita pemergian insan yang amat berjasa sejak awal penubuhan PMKu, Tuan Ustaz Bakti bin Ibrahim. Salam Takziah kepada seluruh ahli keluarga. Semoga roh beliau mendapat Rahmat dan anugerah keampunan daripada Allah SWT serta dikurniakan tempat bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Ya Allah Ya Tuhanmu ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkanlah dia, mulikanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai ganti tempat tinggalnya dan berilah kesabaran kepada ahli keluarganya, semoga arwah di tempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ
إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

18.1.1963 - 9.1.2020



10
JAN
2020

PROJEK KEUSAHAWANAN PMKu: TANAMAN CILI HIDROPONIK

Aras 6 PMKu



Projek Keusahawanan PMKu kini melangkah setapak lagi dengan penanaman cili secara hidroponik. Memandangkan tanaman cendawan tiram telah membawa hasil, kini tiba giliran untuk mencuba tanaman cili pula.

15
JAN
2020

AKTIVITI JUALAN PELAJAR KELAB KEUSAHAWANAN

Student Walk, PMKu



Kelab Keusahawanan PMKu telah mengadakan jualan makanan dan minuman. PMKu sentiasa menggalakkan pelajar dalam aktiviti keusahawanan bagi melahirkan pelajar yang berkebolehpasaran tinggi dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan holistik.

15
JAN
2020

KUNJUNGAN SAHABAT TELEKUNG KE METRO CAFÉ PMKu

METrO Café, PMKu

Sahabat Telekung Kuantan (STK) telah mengunjungi PMKu untuk menikmati hidangan pelajar di METrO Café. Terima kasih STK atas kesudian mengunjungi PMKu dan memberi sokongan kepada para pelajar dalam mempraktikkan pembelajaran dalam kelas komersil mereka.



17
JAN
2020

PERHIMPUNAN PMKu BIL 1/2020

Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang



Perhimpunan yang julung kali diadakan ini melibatkan semua pelajar PMKu, Pengurusan Tertinggi, Ketua Program, Ketua Unit, Penasihat Akademik serta pihak Pengurusan, menjadi wadah penyampaian informasi penting untuk tindakan dan makluman pelajar. Majlis disempurnakan oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli Bin Zainuddin. Terima kasih kepada pihak Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang yang menyediakan kemudahan dewan utama untuk kegunaan majlis ini.

17
JAN
2020

MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MPP PMKu 2020

Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang

Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan MPP PMKu telah berlangsung setelah selesai perhimpunan PMKu Bil 1/2020. Penyerahan Watikah telah disampaikan oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin. Seramai 29 pelajar PMKu terpilih sebagai jawatankuasa MPP 2020 setelah berjaya memenangi pilihanraya MPP yang telah berlangsung pada 8 Januari yang lalu. Majoriti MPP 2020 menampilkan wajah baru, sesuai dengan matlamat untuk melahirkan lebih ramai pelapis pemimpin dalam kalangan pelajar. Semoga MPP PMKu 2020 dapat memikul amanah yang diberikan dengan cemerlang. Tahniah.



17 – 19
JAN
2020

KEM KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) PMKu

Pantai Chendor, Kuantan



Kem Kepimpinan MPP PMKu telah diadakan pada 17 sehingga 19 Januari 2020 bertempat di Pantai Chendor, Kuantan. Program ini merupakan program pertama MPP yang baru terpilih pada sesi pilihanraya MPP PMKu 2020. Inisiatif Hal Ehwal Pelajar (HEP) bersama Penasihat MPP melaksanakan program ini bagi membentuk semangat berpasukan, memperkenalkan dan mengeratkan hubungan sesama ahli MPP.



21
JAN
2020

PMKu CEMERLANG: 100% PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) INSTITUSI BAGI TAHUN 2019

Politeknik Ungku Omar (PUO), Perak



Tahniah PMKu kerana telah diumumkan antara 9 Politeknik Malaysia yang meraih kecemerlangan KPI 100% pada tahun 2019. Berita gembira ini diumumkan pada Majlis Amanat Ketua Pengarah JPPKK yang diadakan di PUO, Perak. PMKu merupakan satu-satunya Politeknik METRo yang tersenarai bersama Politeknik Premier dan Konvensional yang lain. Semoga PMKu terus maju dengan kepimpinan Tuan Pengarah, Encik Rosli bin Zainuddin.



23
JAN
2020

BENGKEL PERANCANGAN TAKWIM DAN PELAN STRATEGIK MPP PMKu 2020

Bilik Mesyuarat Utama PMKu



Bengkel Perancangan Takwim dan Pelan Sdtrategic MPP PMKu bagi sesi 2020 telah diadakan dengan pimpinan penasihat MPP, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli. Tahniah diucapkan kepada MPP PMKu atas inisiatif merangka pelbagai program untuk pembangunan pelajar. Semoga terus maju.

23
JAN
2020

MAJLIS BACAAN YASSIN

Asrama Kediaman Pelajar PMKu



Koperasi Politeknik METRo Kuantan Berhad (Koop PMKu Berhad), HEP dan MPP PMKu telah menganjurkan majlis bacaan Yassin di kediaman pelajar. PMKu tetap menitikberatkan faktor kerohanian dalam mendidik pelajar.

30
JAN
2020

PERTANDINGAN BOLING STAF PMKu SIRI 1/2020

Pusat Boling Playground 6, Semambu Kuantan



Pertandingan yang bertujuan untuk merapatkan silaturahim dalam kalangan staf PMKu ini telah menampilkan sebanyak 5 pasukan lelaki dan 5 pasukan wanita yang berentap untuk kategori masing-masing. Seramai 30 orang staf telah menyertai pertandingan ini.

31
JAN
2020

BENGKEL ASAS PENYELIDIKAN SIRI 1/2020

Makmal Komputer 4, PMKu

Bengkel Asas Penyelidikan Siri 1/2020 sedang berlangsung di MK4, PMKu. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan kepada semua pensyarah berkaitan analisis dalam penyelidikan dengan menggunakan SPSS. Bengkel ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman pensyarah terhadap metodologi penyelidikan yang sesuai dengan bidang dan matlamat masing-masing.



4
FEB
2020

JUALAN KELAB KEUSAHAWANAN: CENDAWAN GORENG

Student Walk PMKu



Pelajar Kelab Keusahawanan telah mengadakan jualan cendawan goreng resepi istimewa dengan sos keju. Cendawan adalah hasil daripada Inkubator Tanaman Cendawan Tiram yang dijalankan oleh Unit Keusahawanan di aras 6 PMKu.

4
FEB

SESI LATIHAN ATLET OLAHRAGA PMKu

2020

Stadium Darul Makmur

Sesi latihan atlet olahraga PMKu di Stadium Darul Makmur di bawah bimbingan jurulatih Majlis Sukan Pahang sebagai persiapan ke Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Politeknik Malaysia yang akan berlangsung pada 13 hingga 18 Februari 2020.



6
FEB

KURSUS KESEDARAN HALAL

2020

SMK Mat Kilau

Para pelajar DHF3A telah mengadakan Kursus Kesedaran Halal yang melibatkan para pelajar SMK Mat Kilau sebagai peserta program. Pelbagai aktiviti dan taklimat tentang halal berlangsung dan diuruskan sepenuhnya oleh para pelajar dengan pemanduan pensyarah kursus, Puan Sharizainor Sharina bte Mohamed.



7
FEB

DICIPLINE OF TEA MAKING (CHA-DO)

2020

METrO Café PMKu

Unit Pengajian Am telah menganjurkan program pembuatan teh bagi sesi perjumpaan pelajar bukan beragama Islam. Walaupun berbilang kaum, pelaksanaan aktiviti membuat teh merangkumi perkembangan peribadi individu dan bukan tertumpu kepada mana-mana kaum. Ke arah pendidikan holistik merupakan sasaran program ini dan beberapa program moral yang menarik telah diadakan bagi mencapai objektif program.



13
FEB
2020

PERJUMPAAN PENGURUSAN TERTINGGI PMKu BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PMKu

Bilik Mesyuarat Utama PMKu



Dalam perjumpaan ini, MPP PMKu telah membentangkan pelan strategik MPP 2020 serta usul dan aduan pelajar yang telah dikumpulkan oleh mereka. Tahniah atas tindakan proaktif MPP untuk membawa suasana persekitaran positif kepada pelajar PMKu.

14
FEB
2020

LAWATAN AKADEMIK DTF3013 HALAL FOOD PRODUCTION KE UMMI MEE KUNING

Pusat Aperantis Kompleks Pertanian Inderapura Kuantan

Lawatan akademik DTF3013 Halal Food Production ke Ummi Mee Kuning, Pusat Aperantis Kompleks Pertanian Inderapura, Kuantan. Terima kasih kepada pihak Ummi Mee Kuning yang sudi menerima kunjungan kami.



17
FEB

LAWATAN AKADEMIK DTF20113 FOOD SCIENCE

2020

Serambi Teruntum dan Bengkel IKS LKPP

Lawatan akademik DTF20113 Food Science pelajar DHF2A dan DHF2B ke Serambi Teruntum serta Kilang Pemprosesan Misha Omar Enterprise yang terletak di Bengkel IKS LKPP, Jalan Pantai Sepat Kuantan. Misha Omar Enterprise memproses sambal dengan jenama Sambal Hitam Pahang Mok Koi, Sambal Bilis Garing, Sambal Tempoyak Goreng dan juga aneka bahulu.



20 – 23
FEB
2020

KURSUS ASAS REKREASI LUAR TAHAP 1 (OUTREC 1)

Kem PLKN Semarak Tanjung Gosong Kampong Pekan Seberang

Penganjuran kursus ini telah melibatkan kerjasama dari *pihak Health & Fitness Adventure* yang bertindak sebagai jurulatih dan penyelia kursus. Penyertaan oleh pelajar DUP2 adalah perlu sebagai memenuhi syarat Kursus Rekreasi Pelancongan Terrestrial (DTO20044) dan untuk memperoleh pensijilan professional kepada para pelajar. Secara keseluruhannya pelajar dapat memahami dan mendalami kursus yang diberikan dengan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di dalam kelas di samping mendapat peluang untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar di dalam industri.



23
FEB

PROMOSI PMKu DI JOM MASUK IPT

2020

UMP Gambang

Beberapa pelajar PMKu diiringi pensyarah Puan Rofidza binti Ramli dan Puan Nor Huda binti Md Asri telah mewakili PMKu untuk program promosi PMKu di Jom Masuk IPT anjuran KPT.



25
FEB

KAJIAN KESEDARAN HALAL DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH: PROJEK TAHUN AKHIR PELAJAR DHF

2020

Sekolah Sekitar Kuantan

Pelajar tahun akhir DHF PMKu telah menjalankan kajian kesedaran halal dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kuantan. Antara sekolah yang terlibat adalah: SMK (P) Methodist, SMK St. Thomas, SMK Tg Panglima Perang Tg Muhammad dan SMK Alor Akar. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Kementerian Pendidikan Malaysia dan para pengetua sekolah yang terlibat menjayakan kajian ini.



25
FEB

SESI PERKONGSIAN ALAT BANTU MENGAJAR FOOD & BEVERAGE SERVICE

2020

Kolej Vokasional Puteri Temerloh

Satu sesi perkongsian alat bantu mengajar F&B service telah berlangsung di KV Puteri Temerloh. Kumpulan pensyarah PMKu, B'Dazzle yang diwakili oleh Puan Hafizah binti Ismail, Puan Haslina binti Ahlimad Muzakir, Cik Shahirah binti Muhammad Zin dan Puan Nurullia Natasha binti Jamal. Semoga produk ini membantu proses PdP di KV Puteri Temerloh



26
FEB

MENTAL HEALTH AWARENESS TALK: U'RE NOT ALONE

2020

TECC PMKu



Mental Health Awareness Talk dengan tema "U're Not Alone" telah berlangsung di Bilik TECC PMKu. Program anjuran kelas DUP 3 ini telah dijalankan dengan kerjasama 7 orang doktor dan 2 orang jururawat dari Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan. Mengambil kira situasi remaja semasa yang banyak mengalami masalah depresi sehingga sanggup melakukan perkara luar jangka, kelas DUP 3 telah memilih untuk melaksanakan program ini sebagai pengisian untuk subjek DTM5033 Event Operation and Management.

27

FEB

LAWATAN AKADEMIK DTF3013 HALAL FOOD PRODUCTION DI ADI FOOD PRODUCTS SDN BHD

2020

Terengganu Halal Hub

Satu lawatan ke industri telah dihadiri oleh pelajar DHF PMKu ke Adi Food Products Sdn Bhd. Melalui lawatan ini, pelajar didedahkan dengan kaedah pemprosesan makanan halal di industri. Pelajar juga berpeluang berinteraksi secara terus dengan pihak industri berkaitan industri pembuatan makanan.



27

FEB

2020

LAWATAN SAMBIL BELAJAR : BAHASA INGGERIS KOMUNIKATIF

Cherating Turtle Sanctuary

Pelajar DUP1 telah melawat ke Pusat Pemuliharaan Penyu di Cherating, Kuantan. Program di bawah seliaan pensyarah Cik Lee Pui Har ini dilaksanakan bagi menguji komunikasi Bahasa Inggeris para pelajar dalam menerangkan isu kepupusan penyu, di samping melibatkan pelajar ke arah pemuliharaan penyu.



28

FEB

2020

SELANGKAH KE ALAM KERJAYA

Bilik Kuliah 5 dan 6 PMKu



Program Selangkah Ke Alam Kerjaya telah berlangsung dan dihadiri oleh pelajar semester 4 dan 5 DHF dan DUP PMKu. Penceramah jemputan bagi sesi taklimat ini adalah Encik Helmi Alias dari Kita Training Provider di bawah Job Malaysia. Semoga program ini memberi manfaat kepada para pelajar.

28

FEB

2020

PROGRAM MIND – DOMAIN 1

Bilik Kuliah 1 dan 2 PMKu

Program MIND - Domain 1 telah berlangsung di Bilik Kuliah 1 dan 2 yang dihadiri oleh pelajar semester 1 DHF dan DUP. Penceramah yang dijemput adalah Pegawai Psikologi dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) iaitu, Pn Noor Adilah binti Shamsuddin dan Puan Umaimah Nasuuhah binti Mohd Ghani.



28
FEB
2020

BENGKEL TECC INNOVATOR

TECC PMKu

Bengkel TECC Innovator telah dianjurkan oleh Unit Instruksional dan Pembelajaran Digital dengan kerjasama ULPL PMKu. Bengkel ini disampaikan oleh pemenang TECC Innovator dalam pemenang EDOLA 2019, Puan Nithya a/p Periasamy dari PUO.



28
FEB
2020

KURSUS TEKNIKAL DAN PENGADILAN SUKAN WOODBALL

Kolej Komuniti Rompin

Ketua Kursus Kokurikulum PMKu, Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamad Hassan telah menghadiri Kursus Teknikal dan Kepengadilan Sukan Woodball mewakili PMKu.

Sukan ini merupakan sukan baru yang akan diperkenalkan di PMKu walaupun telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1995.



28 – 1
FEB MAC
2020

KURSUS ASAS REKREASI PELANCONGAN MARIN

Teluk Gorek Chalet & Camp Site, Endau Johor

Kursus asas rekreasi luar untuk pelajar ini diadakan adalah bagi memenuhi keperluan *Outcome Based Education* (OBE) yang mementingkan pencapaian kompetensi pelajar dari segi kompetensi rekreasi luar sebagai memenuhi keperluan industri pelancongan. Pengajuran kursus ini akan melibatkan kerjasama dari syarikat *Health & Fitness Adventure* yang akan bertindak sebagai jurulatih dan penyelia kursus yang disertai oleh pelajar DUP3 sebagai memenuhi syarat Kursus Rekreasi Pelancongan Marin (DTM5023)



3
MAC
2020

SEMINAR INTERPRETIVE TALK ON MUSEUM

TECC PMKu

Sesi perkongsian dan demonstrasi konservasi artifak oleh Penolong Kurator sekaligus bertindak sebagai Pembantu Muzium Sungai Lembing, Encik Zamri bin Mahamuddin membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan dan pengalaman serta teknik atau teknologi terkini secara langsung daripada pengamal industri. Topik termasuk pemahaman tentang konsep dan prinsip interpretasi muzium, sumber dan pelawat, teknik interpretasi dan media serta demonstrasi pemuliharaan bahan artifak.



4
MAC
2020

PERLAWANAN PERSAHABATAN CATUR PMKu – POLIAS

Perpustakaan POLIAS

Perlwanan persahabatan catur telah diadakan di Perpustakaan POLIAS. Perlwanan ini diadakan sebagai persediaan pasukan PMKu ke Politeknik Malaysia International Chess Carnival (PMICC) 2020 yang berlangsung di CREATE Alor Gajah, Melaka pada 7 dan 8 Mac 2020.



**5
MAC
2020**

PROMOSI KEMASUKAN KE PMKu SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2019

Sekolah sekitar Kuantan

Sebanyak 3 buah sekolah sekitar Kuantan dijelajahi oleh pegawai dan pelajar MPP PMKu iaitu SMK Pelindung, SMK Beserah dan SMK Seri Mahkota. Terima kasih dan tahniah kepada pihak sekolah yang sudi menjemput PMKu untuk membuka ruang promosi kepada para penerima keputusan SPM yang bakal menjajakan kaki ke IPT.



**6
MAC
2020**

FILIAL PIETY: TO BE GOOD TO ONE'S PARENTS

METrO Café PMKu



Sempena Hari Wanita Sedunia, Unit Pengajian Am bagi slot aktiviti moral telah mengadakan program menghasilkan gubahan bunga untuk ibu para pelajar. Tahniah di atas usaha Cik Lee Pui Har dalam menganjurkan program seumpama ini.



**6
MAC
2020**

HARI BERSAMA MPP PMKu

Bilik Kuliah 5 dan 6 PMKu

Agenda utama Hari Bersama MPP PMKu adalah sesi maklumbalas oleh MPP PMKu kepada para pelajar berhubung aduan dan cadangan yang telah pelajar kemukakan dalam soal selidik yang telah dijalankan. Pelajar diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan MPP PMKu melalui sesi Q&A.




**7
MAC
2020**

PMKu e-SPORT TOURNAMENT

PMKu

PMKu e-Sport Tournament telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Mac 2020 bertempat di BK 5 dan 6 PMKu. Program anjuran MPP PMKu dengan kerjasama Unit Sukan ini disertai oleh pelajar daripada semester 1 hingga 5 melibatkan 3 jenis permainan iaitu FIFA 2019 (PS4), MOBILE LEGEND & PUBG.



**7 – 8
MAC
2020**

LAWATAN INDUSTRI KE KUALA TERENGGANU

Kuala Terengganu

Lawatan ini merupakan anjuran para pelajar DUP3 dan disertai oleh pelajar DUP1 yang mengikuti kursus DTM10093 Tourism in Malaysia. Terima kasih kepada pensyarah Puan Nur Hidayah binti Hilimi dan Cik Surayahanim binti Ali yang mendidik dan memberi panduan kepada para pelajar DUP PMKu dalam melaksanakan program mengikut keperluan industri dan meningkatkan kemahiran pelajar. Turut dilawati adalah Primula Beach Resort Kuala Terengganu yang disambut oleh Pengurus Jualan dan Pemasaran, Puan Tina Surinda.



**7 – 8
MAC
2020**

POLITEKNIK MALAYSIA INTERNATIONAL CHESS CARNIVAL (PMICC) 2020

Dewan CREaTE, Alor Gajah Melaka

Tahniah diucapkan kepada pelajar PMKu, Muhammad Syafiq bin Sutrisno kerana telah mendapat tempat ke 22 daripada 77 orang pemain keseluruhan di Politeknik Malaysia International Chess Carnival (PMICC) 2020 yang telah diadakan di Dewan CREaTE, Alor Gajah pada 7 sehingga 8 Mac 2020.



**11
MAC
2020**

MESYUARAT PENASIHAT INDUSTRI PMKu BIL 1/2020

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Mesyuarat Kali Pertama Penasihat Industri PMKu bagi tahun 2020 telah berlangsung bertempat di Bilik Mesyuarat Utama PMKu. Pelbagai agenda penting telah diutarakan dan dibincangkan bersama-sama oleh Pengurusan Tertinggi PMKu bersama barisan Penasihat Industri yang telah dilantik untuk memastikan pelajar PMKu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan kehendak industri.



**12
MAC
2020**

YOUNG RADIO HOST PROGRAMME

PMKu

Unit Pengajian Am mengadakan Young Host Programme sepanjang semester ini. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan diri dalam berbahasa Inggeris dan memperkenalkan kemampuan pelajar untuk berkongsi maklumat seperti seorang penyampai radio. Pelbagai topik dan maklumat yang dikongsikan oleh para pelajar yang dikenal pasti setiap pagi.



**12
MAC
2020**

CAREER TALK: PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Bilik Kuliah 1 dan 2 PMKu

Dr Mohd Rahimi bin Abdul Halim, pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menyampaikan taklimat dan menjadi jemputan dalam sesi bual bicara anjuran Penasihat Akademik PMKu dan Unit CISEC dengan kerjasama ULPL PMKu. Terima kasih diucapkan kepada Dr Rahimi juga merupakan penasihat industri PMKu kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman bersama pelajar PMKu



**12
MAC
2020**

UNDERGROUND LE TOUR DE LANGKAWI : SLOT LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Lembaga Pembangunan Langkawi

Program Ekspedisi Pelajar DUP Semester 4 ke Langkawi telah diiringi pensyarah, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli dan Puan Nur Hidayah binti Hilimi. Kunjungan mereka ke Lembaga Pembangunan Langkawi disambut meriah dan PMKu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Nor Azman bin Yusuf @ Abu Bakar di atas perkongsian ilmu dan sambutan yang telah diberikan.



**15
MAC
2020**

PERTANDINGAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH TERTUTUP PMKu

Padang Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang

Satu pertandingan bola sepak yang melibatkan kakitangan dan pelajar PMKu telah berlangsung. Pengajuran sukan ini mendapat sambutan daripada pasukan-pasukan bola sepak yang ditubuhkan bagi menyertai pertandingan ini. Tahniah diucapkan kepada Staff FC kerana telah merangkul kejuaraan.



16 – 17
MAC
2020

HoTour 2020

Sekitar PMKu



Kecergasan Senamrobik

Pembukaan aktiviti HoTour 2020 dengan program kecergasan senamrobik. Penglibatan kakitangan dan pelajar PMKu amat menggalakkan dan mengikut jadual penggiliran yang telah ditetapkan. Tahniah kepada semua peserta yang hadir..



OOTD Contest

Outfit of The Day turut dipertandingkan sempena HoTour Week, Sudut untuk bergambar disediakan di lobi PMKu.



Food Fun Race

Food Fun Race memberi cabaran berbeza di setiap *check point*, antaranya *mocktail challenge*, *WeSing challenge*, *tourism game* dan *blind test game*. Setiap cabaran memerlukan pengetahuan dan kemahiran untuk mendapatkan klu seterusnya. 13 penyertaan daripada kumpulan pelajar dan mereka dilihat gembira dan bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan misi di setiap *check point*.



Ceramah Muslim Friendly

Satu taklimat dan perkongsian ilmu yang memberi fokus kepada *Muslim Friendly* oleh penceramah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Madya Dr. Noriah Ismail telah berlangsung sempena slot HoTour 2020. Ceramah ini adalah sebagai persediaan pelajar DHF dan DUP bagi mempelajari kursus *Muslim Friendly Hospitality Practice*.



Food Aid @ PMKu

Jualan potongan harga sehingga 50% untuk barang-barang keperluan asas yang terbuka kepada para pelajar PMKu turut diadakan sempena HoTour Week. Jualan berlangsung di *Student Walk* PMKu.



Selangkah Ke Alam Kerjaya

Ceramah disampaikan oleh Chef Azam dari Azam Roasters Properties Sdn Bhd yang juga penasihat industri PMKu



Colours of the World English

Program Colours of the World English anjuran Unit Pengajian Am bersama Kelab Bahasa Inggeris semester 2 dan 3 sempena HoTour Week 2020



Black Box Challenge

Pelajar menunjukkan bakat serta kreativiti masing-masing dalam penyediaan makanan mengikut bahan-bahan rahsia yang telah disediakan oleh urusetia sempena *Black Box Challenge*.

18 MAC
– JUN
2020

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



Bantuan bekalan makanan daripada Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Negeri Pahang



Terima kasih diucapkan kepada Encik Mohd Yusrizal Omar, pemilik Kedai Makey Palace kerana memberikan sumbangan makanan kepada pelajar-pelajar PMKu yang memerlukan.



Persatuan Alumni PMKu telah memberikan sumbangan berupa barang keperluan dan makanan kepada semua pelajar yang tidak dapat pulang ke kampung.



Terima kasih diucapkan kepada pihak Gerakan Belia 4B (GB4B) Pahang diwakili oleh Pengerusi Biro Kebajikan mereka kerana telah menghantar bekalan keperluan untuk pelajar PMKu walaupun pada malam hari.



**3
JUL
2020**

LAWATAN KERJA YB DATO MANSOR BIN OTHMAN, TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE PMKu

PMKu

PMKu amat berbesar hati menerima kunjungan YB Dato Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ke PMKu sempena lawatan kerja beliau ke IPT Zon Timur. Ketibaan beliau disambut oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin, wakil JPPKK, barisan pengurusan tertinggi, kakitangan PMKu dan MPP PMKu. Menerusi lawatan ini, beliau memberi fokus kepada program keusahawanan dan menitikberatkan kesiapsiagaan pelajar masa kini untuk menceburi bidang keusahawanan dalam menempuh sektor pekerjaan yang mencabar. Pada sesi taklimat di Bilik Mesyuarat Utama, PMKu, YB Dato telah ditayangkan video dan perkongsian informasi tentang pelbagai aktiviti keusahawanan dan kejayaan alumni PMKu yang mempunyai perniagaan sendiri. Beliau kemudian telah di bawa ke aras 6 (rooftop) untuk melihat hasil projek pelajar dan merasmikan Laman Agropreneur PMKu yang menempatkan 2 perojek rintis pertanian iaitu Inkubator Tanaman Cendawan Tiram dan Penanaman Cili Bara secara Hidroponik. Kedua-dua projek ini diuruskan oleh pelajar PMKu sepenuhnya. YB Dato juga memberi maklumbalas positif dan cadangan penambahbaikan untuk memastikan program keusahawanan terus bercambah di PMKu. Terima kasih YB Dato Mansor bin Othman atas sesi lawatan ini.



**6
JUL
2020**

PENYERAHAN WAKAF BUKU

Perpustakaan PMKu

Satu sesi penyerahan buku kepada wakil PMKu Encik Shahruh Azman telah berlangsung di Perpustakaan PMKu. Sebanyak 9 buah buku telah disampaikan oleh Puan Haryati Hamim selaku Perantis Akademi Bonda Nor dan team Dropshipper Bonda Nor (DBN). Projek wakaf buku ini merupakan inisiatif Team DBN dengan kerjasama Galeri Ilmu. Warga PMKu merakamkan setinggi penghargaan di atas sumbangan ini. Terima kasih.



**6 – 7
JUL
2020**

BENGKEL PERSEDIAN PENILAIAN PEMATUHAN MQA

Bilik Kuliah 1 dan 2 PMKu



Unit Pengurusan Jaminan Kualiti dengan kerjasama ULPL telah mengadakan bengkel 2 hari yang bertujuan memberi panduan dan pengetahuan kepada para pensyarah dalam persediaan menghadapi Audit MQA tidak lama lagi. Penceramah bengkel ini adalah pegawai dari PTSN, Pagoh, Dr Haji Nor Hairul bin Palal yang juga merupakan panel MQA yang diiktiraf dan berpengalaman dalam bidang hospitaliti.

**13 – 14
JUL
2020**

AUDIT PEMATUHAN ISO 9001: 2015 DAN ISO 21001:2018

PMKu

Syabas dan tahniah kepada semua warga PMKu di atas tanpa NCR dalam Audit Pematuhan kali ini. Kejayaan ini membuktikan PMKu terus komited dalam mengekalkan budaya kerja berkualiti selaras dengan kehendak pensijilan.



**15
JUL
2020**

LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN PENGOPERASIAN INSTITUSI SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) WABAK COVID-19 BAGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

PMKu



PMKu telah menerima kunjungan Puan Roszita binti Shamsuddin, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK untuk memantau sendiri persiapan PMKu dalam menerima kehadiran para pelajar yang akan memulakan sesi pembelajaran semester baharu. Alhamdulillah, PMKu telah lulus dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

**16 – 17
JUL
2020**

KLINIK PEMBELAJARAN DIGITAL (FASA 1)

Makmal Komputer 1 PMKu

Klinik Pembelajaran Digital telah berlangsung selama 2 hari bertempat di Makmal Komputer PMKu. Seramai 32 orang pensyarah PMKu telah mengikuti klinik yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Instruksional dan Pembelajaran Digital dengan kerjasama ULPL. Para pensyarah didedahkan dengan penggunaan aplikasi pembelajaran secara talian seperti BigBlueButton menerusi platform CIDOS, Google Classroom dan Cisco Webex. Terima kasih diucapkan kepada Puan Hafizah binti Ismail dan Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman di atas tunjuk ajar dan panduan dalam penggunaan aplikasi-aplikasi tersebut.



**21 – 22
JUL
2020**

KLINIK PEMBELAJARAN DIGITAL (FASA 2)

Makmal Komputer 1 PMKu

Unit Pembelajaran Digital dan ULPL telah mengadakan Bengkel Pembelajaran Digital (Fasa 2) bagi meningkatkan kompetensi pensyarah dalam persediaan PdP atas talian. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memperkasakan pensyarah dengan kemahiran dan teknik semasa atas talian bagi membantu penilaian pelajar serta mempelbagaikan kaedah yang merangkumi aplikasi Telegram, Google Form, Streamyard, Edpuzzle, Wordwall dan Cram. Terima kasih diucapkan kepada Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamad Hassan dan Cik Nor Akashah binti Kassim (KP DUP) di atas penyampaian menarik semasa perkongsian ilmu sepanjang bengkel dua hari ini.



**23
JUL
2020**

OH MY GRAMMAR! QUIZIZZ PROGRAMME

PMKu

Unit Pengajian Am PMKu telah berjaya mengadakan program Oh My Grammar! Quizizz Programme dengan kerjasama AJK HoTour dan Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu. Program yang menggunakan platform atas talian telah menarik penglibatan ramai kakitangan termasuk pengurusan atasan.

Tahniah kepada semua pemenang.



**24
JUL
2020**

SUMBANGAN HAND SANITIZER OLEH ALUMNI PMKu

PMKu

PMKu berbesar hari menerima sumbangan 50 botol hand sanitizer yang disumbangkan oleh alumni PMKu, Chef Haqril bin Hazam Shah. Chef Haqril merupakan alumni PMKu yang telah menamatkan pengajian dalam program Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal pada Disember 2018. Beliau sekarang sedang berkhidmat sebagai Head Chef di restoran The 92's yang terletak di A7 Transit Point, Jalan Dato Lim Hoe Lek, Kuantan. Terima kasih, Chef dan semoga maju jaya.



**24
JUL
2020**

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

PMKu

Tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019;

- Encik Anuar bin Ismail
- Puan Ng Siok Giek
- Puan Noor Farizan binti Basroh
- Cik Shahirah binti Muhammad Zin
- Puan Noraisah binti Zulkifli

Semoga kecemerlangan diteruskan dari masa ke masa. Tahniah!



27 – 28

JUL

2020

BENGKEL VIDEO 360°

Makmal Komputer 4 dan Sungai Lembing, Kuantan Pahang

Bengkel Video 360° berlangsung pada 27 dan 28 Julai 2020 melibatkan 20 orang pensyarah PMKu telah dijalankan di Bukit Panorama Sungai Lembing bagi tujuan amali penggunaan kamera 360°. Asas suntingan pula berlangsung di Bengkel Video 360° berlangsung pada 27 dan 28 Julai 2020 melibatkan 20 orang pensyarah PMKu telah dijalankan di Bukit Panorama Sungai Lembing bagi tujuan amali penggunaan kamera 360°. Asas suntingan pula berlangsung di Makmal Komputer 4 menggunakan perisian 3DVista. Terima kasih kepada penyelaras Pembelajaran Digital, Puan Hafizah binti Ismail dengan kerjasama ULPL di atas pengajuran kursus ini bagi meningkatkan kompetensi pensyarah PMKu.




4 – 5
OGOS
2020

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2020

PMKu

Bagi mematuhi SOP PKP, hari pendaftaran pelajar baharu telah dipecahkan kepada 2 hari iaitu pelajar DHF mendaftar pada 4hb, manakala pelajar DUP mendaftar pada 5hb. Terima kasih diucapkan kepada MPP PMKu yang membantu kakitangan akademik dan sokongan akademik yang terlibat dalam melancarkan proses pendaftaran pelajar.



7
OGOS
2020

TAKLIMAT PELAJAR BAHARU PMKu SESI JUN 2020

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Sesi taklimat untuk pelajar baharu PMKu sesi Jun 2020 telah berlangsung selama 2 hari bertempat di Bilik Kuliah 5 dan 6 melibatkan taklimat daripada semua jabatan dan unit di PMKu. Demi mematuhi SOP yang ditetapkan, sesi taklimat ini dipendekkan kepada hanya 2 hari berbanding tempoh 4 hari pada semester yang lalu dan tiada aktiviti fizikal dijalankan. Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainudin juga sempat menyampaikan amanat beliau kepada pelajar baharu dengan memberikan nasihat serta panduan kepada pelajar dalam menempuh pengajian 3 tahun di PMKu. Semoga semua pelajar bersemangat untuk menjalani tempoh pengajian di PMKu.



10 – 11
OGOS
2020

LAWATAN PENANDA ARAS UNIT ULPL DAN CISEC PMKu KE POLITEKNIK SEBERANG PERAI DAN POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

PSP dan PMTG

Unit ULPL dan CISEC PMKu telah berkunjung ke PSP bagi mendapatkan ilmu dalam pelaksanaan unit ULPL dan CISEC di sana. Terima kasih diucapkan kepada pihak PSP di atas kesudian menerima kunjungan delegasi PMKu.



Unit ULPL dan CISEC PMKu turut berkunjung ke PMTG . Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak PMTG di atas kesudian menerima kunjungan delegasi PMKu.

11
OGOS
2020

LAWATAN PENANDA ARAS PMKL KE PMKu BAGI PENGURUSAN KUALITI DAN DOKUMENTASI PROSEDUR KERJA ISO EOMS 21001: 2018

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Unit Kualiti PMKu berbesar hati menerima kunjungan delegasi PMKL yang berkunjung ke PMKu bagi mendapatkan panduan dan persediaan document bagi mendapatkan ISO EOMS 21001:2018. PMKu telah diiktiraf kualiti ISO EOMS 21001:2018 sejak 2018.



17
OGOS
2020

LAWATAN TAPAK BAGI CADANGAN PROJEK MEMBINA BUMBUNG DI ARAS 6 PMKu DI BAWAH PROJEK RANGSANGAN EKONOMI 2.0

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Lawatan tapak oleh pihak Majlis Perbandaran Kuantan dan pihak perunding yang dilantik bagi cadangan projek membina bumbung di aras 6 (rooftop) di PMKu di bawah Projek Rangsangan Ekonomi 2.0. Semoga projek ini bakal dimanfaatkan dan memberi kemudahan kepada para pelajar dan seluruh warga PMKu.



21
OGOS
2020

PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN ROOFTOP GARDENING

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

PMKu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Wan Azlan bin Wan Ismail, Pengarah Politeknik Jeli, Kelantan yang sudi hadir ke PMKu untuk berkongsi ilmu dengan Unit Keusahawanan PMKu tentang *rooftop gardening*. Dalam program ini, beliau telah berkongsi pengalaman dan tips kejayaan aktiviti *rooftop gardening* yang telah dilaksanakan di Politeknik Jeli. Sesi perkongsian ini turut dihadiri oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin, Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Adilen binti Sulir, Ketua Unit Keusahawanan, Encik Anuar bin Ismail serta barisan pensyarah Unit Keusahawanan dan ahli Kelab Keusahawanan PMKu



28
OGOS
2020

MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL PERTAMA SESI JUN 2020

Aras 6 PMKu

Sempena hari Jumaat penghulu hari yang mulia, PMKu mengadakan majlis bacaan Yassin dan tahlil pertama untuk semester sesi Jun 2020 ini. Di samping menimba ilmu di sini, PMKu turut menitikberatkan pengisian kerohanian dalam kalangan pelajar.



28
OGOS
2020

MAJLIS BUDI DIKENANG, BAKTI DIJULANG: ENCIK ANUAR BIN ISMAIL

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Majlis ringkas sempena meraikan pertukaran pensyarah merangkap Ketua Unit Keusahawanan yang juga Pengerusi Koperasi PMKu Berhad, Encik Anuar bin Ismail yang akan bertukar ke POLISAS bermula 1 September 2020. Semoga Encik Anuar akan terus maju jaya.



3
SEP
2020

SUMBANGAN PAM AIR

KEMBOJA

Sekulung tahniah kepada ahli Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) yang telah menguruskan sumbangan sebuah pam air untuk kegunaan penduduk yang amat memerlukan kemudahan air di Kemboja. Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan oleh penerima.



6
SEP

POLYCC BUSINESS OPPORTUNITY THROUGH SOCIAL MEDIA COMPETITION (BOSMeC) 2020 AWARD CEREMONY

2020

Hotel Holiday Villa, Johor Bahru

Tahniah diucapkan kepada pelajar PMKu, Baahisah binti Abdul Hamid yang telah memenangi *Most Like FB Award* dan *Most Shared FB Award* dalam PolyCC Business Opportunity Through Social Media Competition (BOSMeC) 2020 anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK dan Politeknik METR0 Johor Bahru.



7
SEP

PROGRAM WACANA RUKUN NEGARA DAN PATRIOTISME BERSAMA PEMIMPIN MUDA NEGERI PAHANG

2020

Dewan Utama Yayasan Pahang, Kuantan

Seramai 8 orang pelajar daripada MPP PMKu telah menyertai program ini dengan diiringi oleh Pegawai HEP, Puan Noor Farizan binti Basroh. Majlis Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.



11
SEP

PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOH 14 HARI

2020

PMKu

Tahniah kepada warga kerja PMKu di atas pencapaian prestasi pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2019, mengulangi kejayaan prestasi pada tahun 2018. Semoga tahun 2020 beroleh pencapaian prestasi yang sama. Tahniah!



14 – 15
SEP

SAMBUTAN HARI MALAYSIA PMKu: SEMARAK MALAYSIA

2020

PMKu

Sambutan Hari Malaysia PMKu dilaksanakan bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan seluruh warga PMKu meliputi staf dan pelajar. Pelbagai aktiviti berunsur patriotik menjadi pengisian program ini, antaranya ialah aktiviti memakai pakaian traditional, nyanyian Lagu Patriotik dan bacaan ikram rukun negara pada setiap pagi. Dengan sambutan ini, semoga para belia dapat mengenang kembali Sejarah Malaysia dan seterusnya menanamkan sifat sayang akan negara, disamping mengeratkan ukhwah dalam kalangan pelajar tanpa mengira bangsa dan agama.



17
SEP

KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN SIRI 7/2020

2020

Bukit Gambang Resort City (BGRC)

Kursus Latihan Pengendali Makanan Siri 7/2020 di Bukit Gambang Resort City. Peserta yang terlibat adalah dari staf pentadbiran BGRC dan juga pelajar Imperia College. Pihak PMKu mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan dan keyakinan terhadap penyediaan kemudahan dan tenaga pengajar program ini. Kepada mereka yang berminat menyertai kursus boleh hubungi ULPL PMKu di talian 09-5659000 atau menerusi aplikasi WhatsApp ke nombor 016-9629348.



21
SEP

SEMINAR COMMUNITY BASED TOURISM

2020

TECC PMKu

Seminar Community Based Tourism menampilkan pengurus Homestay Teluk Ketapang, Cikgu Md Azmi bertindak sebagai Pensyarah Pelawat Industri (PPI). Beliau menyampaikan sesi perkongsian berkaitan "Success Story of Homestay Teluk Ketapang" dan memberi pendedahan kepada para pelajar semester 5 tentang homestay dan community based tourism.



22
SEP
2020

PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2020 PERINGKAT KEBANGSAAN

Kolej Komuniti Temerloh, Pahang



Tahniah diucapkan kepada pensyarah, Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff, Puan Nadiatul Hanis binti Jailani dan Puan Hafizah binti Ismail di atas penganugerahan Perak bagi produk inovasi VAK Edu Guide di PERISA 2020 ini.

22
SEP
2020

UJI PEMBANGUNAN PROJEK APLIKASI ANDROID RECTOUR LEARNING

TECC PMKu

Satu proses uji penggunaan bagi pembangunan projek aplikasi android RecTour Learning oleh barisan pensyarah JPH Politeknik Muadzam Shah (PMS) telah berlangsung di PMKu. Aplikasi tersebut merupakan alat bantu mengajar bagi kursus *Visitor Interpretation Service*, *Nature Interpretation Service* dan *Tourist Guiding Techniques* melibatkan pelajar DUP Semester 4.



30
SEP
2020

PERTANDINGAN BOLING STAF PMKu SIRI 2/2020

Kuantan Mega Lanes, Megamall



Pertandingan Boling Staf PMKu Siri 2.2020 telah berlangsung di Megalanes, Megamall. Program anjuran Unit Sukan PMKu dengan kerjasama Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) ini dilaksanakan sebagai medium untuk merapatkan hubungan antara semua staf. SOP tetap dipatuhi sepanjang pelaksanaan program ini. Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan setinggi penghargaan kepada Unit Sukan PMKu di atas penganugerahan kepada Unit Sukan PMKu di atas pelaksanaan program ini.



1
OKT
2020

SABAK BERNAM INNOVATION COMPETITION (SABIC 2020) PERINGKAT KEBANGSAAN

Secara Atas Talian

Tahniah diucapkan di atas pencapai para pensyarah yang telah memperoleh Anugerah Emas bagi Kategori Perkasa di

SABIC 2020. SABIC 2020 dianjurkan oleh Majlis Guru Cemerlang Sabak Bernam dan pelaksanaan adalah secara atas talian. Puan Hafizah binti Ismail, Puan Haslina binti Ahmad Muzakir dan Cik Shahirah binti Muhammad Zin telah menghantar inovasi PdP *B'Dazzle Box*, manakala Puan Anis Shabirah binti Md Isa, Cik Zarina binti Mokhtaruddin dan Puan Nurhidayah binti Hilimi telah mempertaruhkan hasil inovasi PdP *7 Principles of Management Smart Book* (PoMSB). Tahniah di atas usaha dan pencapaian kedua-dua kumpulan bersama hasil inovasi masing-masing.




1
OKT
2020

LAWATAN PENANDA ARAS

POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR KE PMKu UNTUK PENGURUSAN ISO 21001:2018;
AUDIT DALAMAN, PELAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN RISIKO

PMKu

Terima kasih kepada PMTG yang sudi berkunjung ke PMKu untuk menanda aras persediaan ISO dan kualiti pengurusan organisasi di PMKu. Delegasi seramai 13 orang pegawai ini diketuai oleh Ts. Siti Salamah binti Mustaffa, Timbalan Pengarah PMTG. Ketibaan mereka disambut oleh Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin bersama Unit Kualiti bagi sesi perkongsian ilmu tentang persediaan ke arah ISO yang memberi fokus kepada penyediaan dokumen dan audit.



1 – 2
OKT
2020

KURSUS KESEDARAN HALAL DAN ASAS SEMBELIHAN

PMKu dan Baraka Farm, Sungai Soi Kuantan, Pahang



Unit Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) dengan kerjasama ULPL telah mengadakan kursus bagi peningkatan kompetensi pensyarah PMKu. Taklimat dan demonstrasi disampaikan oleh penceramah jemputan yang berpengalaman dari Jabatan Agama Islam Pahang.



2
OKT
2020

LAWATAN PENANDA ARAS KOLEJ KOMUNITI SELAYANG KE PMKu UNTUK PENGURUSAN PENTADBIRAN, PEROLEHAN DAN KEWANGAN, UNIT KAUNSELING DAN KERJAYA, SERTA PERPUSTAKAAN

PMKu



PMKu berbesar hati menerima kunjungan delegasi Kolej Komuniti Selayang. Seramai 16 orang pegawai dikenai oleh Puan Hayati Binti Idris, Timbalan Pengarah Pengurusan, Kolej Komuniti Selayang. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan pendapat dalam sistem pengurusan agar dapat meningkatkan lagi tahap produktiviti dan kecekapan, selari dengan kehendak dunia semasa yang perlukan tindakan pantas dan tepat sepanjang masa.



6
OKT
2020

PERBINCANGAN PENJANA KPT – CAP

Bilik Mesyuarat Utama, PMKu

Perbincangan tentang *Career Advancement Programme* (PENJANA KPT – CAP) di antara PMKu bersama wakil SIRIM, Dr Mohd Azman Idris, Pengurus Besar Kanan SIRIM-STS Sdn Bhd. telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama PMKu. PENJANA KPT- CAP ini akan membuka ruang baru yang lebih luas untuk kementerian bekerjasama dengan industri bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman yang imersif bersama industri.



6
OKT
2020

BENGKEL VIDEO EDITING – ADOBE PREMIER PRO

Makmal Komputer 4, PMKu

Seramai 7 orang kakitangan PMKu yang terdiri daripada kakitangan akademik, perpustakaan dan Unit ICT telah menghadiri Bengkel Video Editing- Adobe Premier Pro yang berlangsung di MK4. Pengisian bengkel disampaikan oleh Encik Mohd Hafizil Azuan bin Mohamad Nazir dari Kolej Komuniti Paya Besar, Kuantan yang menekankan tentang teknik dan peralatan yang sesuai untuk merakam video, teknik menyunting menggunakan perisian Adobe Premier Pro, teknik kesan khas, kesan bunyi dan juga grafik.



8
OKT
2020

SEMINAR CAREER TALK; LEARN – GROW – THRIVE



Dengan situasi pandemik yang tidak menentu, PMKu terus komited untuk mempersiapkan pelajar-pelajar dengan kursus yang berkaitan agar mereka terus cemerlang dalam bidang masing-masing. Terima kasih kepada Chef Budiman Bestari bin Mohamed, Exec Sous Chef, Le Meridian, Hotel Kuala Lumpur di atas kesudian beliau untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman bersama para pelajar PMKu semester 5. Chef Budiman bertindak sebagai panel jemputan bagi Seminar Career Talk: Learn–Grow–Thrive, anjuran Penasihat Akademik dan Unit CISEC.



Anjuran: Penasihat Akademik & Unit CISEC

10
OKT
2020

KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN SIRI 9/2020



PMKu

Kursus Latihan Pengendali Makanan anjuran ULPL PMKu telah mencapai siri 9 untuk tahun 2020 ini. ULPL PMKu yang diuruskan oleh Pegawai ULPL PMKu, Puan Tan Kang Yee menawarkan Kursus Latihan Pengendali Makanan kepada komuniti yang berminat untuk mendapatkan Kursus Latihan Profesional ini. Siri ini turut dihadiri oleh pihak KKM yang mengaudit pelaksanaan kursus di PMKu dan PMKu telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Pihak PMKu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan dan keyakinan para peserta dan industri terhadap penyediaan kemudahan dan tenaga pengajar untuk kursus ini.



13 – 31
OKT
2020

PMKu PRIHATIN 2.0

PMKu

Unit HEP dengan kerjasama MPP PMKu telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan bantuan makanan bermasak kepada para pelajar PMKu yang terkandas di sekitar PMKu. Set makanan tengahari dan makan malam telah diedarkan kepada pelajar bermula 19 sehingga 31 Oktober 2020 di METRo Café, PMKu. Program ini diharapkan dapat meringankan beban dan menaikkan semangat pelajar untuk meneruskan sesi pembelajaran secara atas talian sepanjang semester Jun 2020 ini.



16
OKT
2020

LAWATAN PENANDA ARAS JABATAN SOKONGAN AKADEMIK PMKu KE KOLEJ KOMUNITI LIPIS

Kolej Komuniti Lipis

Lawatan Penanda Aras PMKu, Jabatan Sokongan Akademik ke Kolej Komuniti Lipis. Seramai 9 orang staf sokongan akademik telah menyertai rombongan ini. Rombongan telah dibawa melawat sekitar kawasan kolej dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Kolej Komuniti Lipis.



17 – 19
OKT
2020

VIRTUAL REALITY INTERACTIVE 360° TRAINING

Residence Inn, Cherating & PMKu



Seramai 14 orang pensyarah telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh p enyelaras Pembelajaran Digital (e-Learning), Puan Hafizah binti Ismail dengan kerjasama ULPL PMKu. Para peserta kursus diberi pendedahan tentang penghasilan video interaktif 360° oleh Kino Cinema Media. Kursus ini telah

membantu para pensyarah dalam persediaan untuk menghasilkan video PdP yang sesuai dan interaktif.



19 – 22
OKT
2020

PMKu VOLUNTEERISM 3.0: FOOD AID FOR HTAA FRONTLINERS

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)

Majlis penyampaian sumbangan makanan daripada PMKu kepada petugas HTAA telah berlangsung di Kompleks Rawatan Harian HTAA. Sebanyak 70 paket makanan tengahari disumbangkan dan program ini telah berlangsung bermula 19 sehingga 22 Oktober 2020. Program ini merupakan salah satu program YES! Politeknik yang bertujuan untuk menyokong dan menghargai pengorbanan para barisan hadapan yang bertugas menangani pandemic COVID-19 yang kini sedang melanda seluruh negara. PMKu merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada petugas-petugas HTAA.




23
OKT
2020

LAWATAN PENANDA ARAS POLITEKNIK MERSING (PMJ) KE PMKu

PMKu

Delegasi PMJ telah berkunjung ke PMKu bagi lawatan penanda aras unit-unit sokongan akademik. Seramai 24 orang pegawai diketuai oleh Pengarah PMJ, Puan Hilmun binti Mohamed disambut oleh tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin. Diharapkan agar kunjungan pihak PMJ memperoleh manfaat daripada lawatan ini.



23 – 25
OKT

KURSUS PENGURUSAN ACARA

2020

Residence Inn Cherating, Pahang

Unit Pengurusan Pelancongan dengan kerjasama ULPL PMKu telah menganjurkan Kursus Pengurusan Acara bagi meningkatkan kompetensi pensyarah dalam mendidik pelajar dan menganjurkan acara-acara yang seringkali dijalankan di PMKu. Program 3 hari 2 malam ini melibatkan pensyarah akademik dan beberapa kakitangan pentadbiran. Tahniah kepada urusetia, Cik Zarina binti Mokhtaruddin di atas pengajuran kursus yang amat menarik dan memenuhi pengisian secara teori dan praktikal ini.



26
OKT
2020

LAWATAN AKADEMIK RIMBUN DAHAN TURTLE HATCHERY

Pantai Chendor, Kuantan Pahang

Lawatan akademik di *Rimbun Dahan Turtle Hatchery* (RDTH), Pantai Chendor telah berlangsung bagi memenuhi keperluan Kajian Kes DTM6033 *Sustainable Tourism* dan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) melibatkan 19 orang pelajar DUP5. Antara aktiviti yang dijalankan adalah penanaman semula pokok bakau, pembersihan pantai dan melepaskan anak penyu. Taklimat disampaikan oleh Cik Farina Ashrin Ariffin (Pengurus) dan Encik Fadhil Izzuddin Ariffin (Pengurus Operasi) di RDTH.



26
OKT
2020

SAYEMBARA PENA SISWA POLITEKNIK MALAYSIA 2020

PMS

Tahniah diucapkan kepada pelajar PMKu, saudara Muhammad Shah Asrul bin Shaharuddin di atas kejayaan sebagai Juara Penulisan Berita dalam Sayembara Pena Siswa Politeknik Malaysia 2020. Penghargaan juga ditujukan kepada saudara Muhammad Fadhil bin Ahmad, Muhammad Faid Ameri bin Musaddik dan Ahmad Noh bin Mohd Desa yang turut menyertai sayembara ini. Penyampaian hadiah telah berlangsung di Politeknik Muadzam Shah (PMS) dan penerimaan hadiah diwakili oleh YDP MPP PMKu kerana pemenang berada di zon merah COVID-19. Tahniah diucapkan!



26 – 28

OKT

2020

PROGRAM EKSPEDISI PELAJAR: LET'S GO GREEN

Kampung Genting, Pulau Tioman, Pahang

Pelajar DUP4 telah mengikuti program ekspedisi bagi memenuhi keperluan kursus *DTM3053 Tourism Expedition* bersama pensyarah kursus, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli dan Cik Zarina binti Mokhtaruddin. Pelbagai program dijalankan antaranya Program Khidmat Masyarakat: Green House, mengecat dan membersihkan pantai Kampung Genting. Kajian dan aktiviti marin juga merupakan pengisian utama program 3 hari 2 malam ini. Lebih menarik, para pensyarah dan pelajar ditemani dan dibantu oleh pemandu pelancong profesional yang juga merupakan alumni PMKu, iaitu Cik Nurul Syuhada binti Yusof sepanjang keberadaan mereka di sana.

27

OKT

2020

LAWATAN PENANDA ARAS KUMPULAN KIK PMKu KE MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

Majlis Perbandaran Kuantan



Kumpulan KIK PMKu telah berkunjung ke Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sebagai persediaan dan perkongsian ilmu dalam penyelidikan dan inovasi. Kunjungan 12 kakitangan PMKu telah disambut mesra oleh Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat, Puan Norkamawati binti Kamal yang sudi menyampaikan taklimat inovasi dan memberikan panduan dalam menguruskan kecemerlangan organisasi khususnya kualiti dan inovasi. Terima kasih diucapkan kepada pihak MPK yang sudi menerima kunjungan delegasi kami.



30

OKT

2020

E-TALK FOODSERVICE AND TOURISM INDUSTRY



Pelajar DHF4B telah menganjurkan program *E-Talk Foodservice and Tourism Industry* bagi memenuhi keperluan Kursus DTM5033 *Event Operation and Management* di bawah seliaan pensyarah kursus, Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Puan Farizah binti Mohamad. Bual bicara yang diadakan secara atas talian ini telah menjemput Y.Bhg. Dato' Hj Idros bin Yahya DIMP, AMP Pengarah MOTAC Pahang dan Chef Azzaharul bin Wahab, pemilik Azzam Roaster Sdn Bhd sebagai panel. Program ini membincangkan hala tuju industri perkhidmatan makanan dan pelancongan selepas COVID-19.



1 – 3

NOV

2020

LAWATAN PENANDA ARAS KE BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN POLITEKNIK KOTA BHARU

PKB

Jabatan Sokongan Akademik PMKu telah mengadakan lawatan penanda aras ke Bahagian Khidmat Pengurusan, Politeknik Kota Bharu (PKB). Melalui lawatan ini, pihak PMKu berpeluang menimba pengetahuan berkaitan pengurusan dokumen secara digital serta pengurusan sistem dalaman yang dapat meningkatkan kelancaran pengurusan sumber manusia di politeknik. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak PKB yang sudi menerima kunjungan delegasi PMKu. Semoga semua ilmu bermanfaat ini diberkati dan dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan PMKu.



3
NOV
2020

MALAYSIA POLYTECHNIC SUSTAINABILITY AWARD 2020

PMJ

Tahniah di atas kejayaan PMKu dalam *Malaysian Polytechnic Sustainability Award 2020* yang diadakan di Politeknik Mersing, Johor. PMKu telah menerima 4 Fundamental Award melalui 4 projek dan turut menerima Anugerah Khas Polygreen 2020. Terima kasih dan tahniah, Puan Nadiatul Hanis binti Jailani, Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff, Cik Lee Pui Har dan Puan Nurul Safawati binti Abd Aziz.



4
NOV
2020

SESI TOWNHALL / PERBINCANGAN BERSAMA SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) PMKu



Sesi perbincangan antara PMKu bersama Encik Abdul Razak bin Haji Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah berlangsung di PMKu. Perbincangan ini melihat kepada ruang dan mencari peluang kerjasama di antara PMKu dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Isu dan kekangan yang berkait rapat dengan KKMM turut diutarakan agar mendapat perhatian dan solusi pihak KKMM. Diharapkan agar kolaborasi dapat terjalin pada masa hadapan untuk kebaikan kedua-dua pihak.



4
NOV
2020

CAREER TALK 2.0: LEARN – GROW – THRIVE

Google Meet



Pemasuhan Akademik di bawah penyelarasan Puan Haslina binti Ahmad Muzakir dan Bahagian 1L5G, Kerjaya dan Kebolehpasaran seliaan penyelaras, Puan Nurul Safawati binti Abdul Aziz telah menganjurkan program bual bicara ini. Panel jemputan, Encik Ridzuan bin Khalid, pensyarah Kolej Komuniti Rompin telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang laluan kerjaya dalam bidang hospitaliti dan cabaran industri pada masa kini. Program ini juga merupakan persediaan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan sebenar.

4
NOV
2020

VIRTUAL TOUR EXPERIENCE LIVE FROM KAMPUNG MORTEN AND VIRTUAL LIVE TUTORIAL

ZOOM

Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan DUP5, DUP3A, DUP3B dan DUP2 telah mengikuti inovasi pakej pelancongan norma baharu iaitu *Virtual Tour Experience Live* yang telah disampaikan oleh Encik Shaukani Abas dan *Virtual Live Tutorial*, Encik Tajudin. Pelajar telah diberi pendedahan tentang kaedah melaksanakan lawatan atau pakej pelancongan secara maya atau atas talian. Pelbagai tips dan kaedah yang dikongsi oleh pemandu pelancong profesional tersebut.



5
NOV
2020

LAWATAN PENANDA ARAS OLEH KOLEJ KOMUNITI LIPIS KE PMKU

PMKu

PMKu telah menerima kunjungan delegasi Kolej Komuniti Lipis bagi Lawatan Penanda Aras yang memberi fokus kepada Jabatan Akademik dan Sokongan PMKu. Seramai



15 kakitangan Kolej Komuniti Lipis yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Puan Nurulain binti Ahmad. Lawatan ini bertujuan untuk perkongsian ilmu dan input yang berguna kepada kedua-dua pihak dalam memastikan sistem penyampaian dipertingkatkan ke tahap terbaik.

5
NOV
2020

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM GERAK USAHAWAN KAMPUS (GUK) 2020 PERINGKAT KEBANGSAAN: "ONLINEPREENEUR CHALLENGE"

Dewan Harumanis, PTSS

Encik Fitri Sani bin Mohamad Abdul Hakim selaku Keusahawanan PMKu bersama pelajar DHF3B, saudari Baahisah binti Abdul Hamid

telah memenuhi jemputan bagi Majlis Perasmian Penutupan program keusahawanan peringkat Kebangsaan yang diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Pelajar tersebut telah mengharumkan nama PMKu dengan meraih Naib Johan kategori IT dan Teknologi dalam pertandingan Online Bazaar Challenge, Gerak Usahawan Kampus 2020. Tahniah diucapkan kepada saudari Baahisah binti Abdul Hamid!



5 – 6
NOV
2020

AUDIT PEMATUHAN ISO 21001:2018 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN.BHD.

PMKu

PMKu telah berjaya menghadapi proses Audit Pematuhan ISO 21001: 2018 *Educational Organisations Management System* (EOMS) yang telah diadakan selama 2 hari oleh pegawai audit SIRIM, Encik Muhammad Fadhlullah bin Rahmat. Proses audit turut dihadiri oleh pegawai pemerhati daripada POLISAS, PMJ, dan KK Pasir Gudang. Proses audit berjalan dengan jayanya dan selama 3 tahun berturut-turut PMKu patuh audit tanpa NCR (Nonconforming Report). PMKu juga merupakan institusi pertama di bawah KPT yang memperoleh pensijilan ISO 21001:2018 EOMS sejak tahun 2018.



11
NOV
2020

PROGRAM TARANUM HOUR

f LIVE

Kelab Taranum PMKu di bawah seliaan pensyarah, Ustaz Wan Mohd Sabri bin Wan Mahmood dan Encik Fitri Sani bin



Mohamad Abdul Hakim telah mengadakan Program Taranum Hour yang berlangsung selama 2 jam secara atas talian. Dengan pengisian Pembelajaran Tahsin Al-Quran dan Majlis Khatam Al-Quran, program ini telah menjemput panel Ustaz Mohd Zubair bin Ahmad Malik dan Ustaz Mohammad Fadli bin Nasron.

11
NOV

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PELANCONGAN DAERAH ROMPIN PAHANG BILANGAN 1 TAHUN 2020

2020

Pejabat Daerah dan Tanah Rompin, Pahang

PMKu sebagai salah sebuah institusi pendidikan yang berperanan dalam melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang pelancongan telah dijemput untuk mengikuti mesyuarat yang dihadiri oleh pemain utama bidang pelancongan di Pahang. Sebagai satu-satunya institusi pendidikan yang dijemput, PMKu berbesar hati menghantar 2 pensyarah, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli dan Encik Fitri Sani bin Mohamad Abdul Hakim untuk turut sama berbincang dan mengemukakan idea dalam mesyuarat tersebut.



11
NOV
2020

文化の日 : BUNKA NO HI (JAPANESE CULTURE DAY)

Bilik Kuliah 5, PMKu

Dengan seliaan pensyarah penasihat Kelab, Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamad Hassan, Kelab Bahasa Jepun PMKu telah menganjurkan program Bunka No Hi yang bermaksud Japanese Culture Day. Pelaksanaan masih mengambil berat SOP PKPP dan program ini berlangsung dengan perlakuan 10 penyertaan dan pemantauan ketat daripada pihak pengurusan PMKu. Sebagai salah satu item penilaian bagi Kelab di bawah silibus PdP Kokurikulum, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga PMKu tentang tradisi makanan Jepun, sushi. Demonstrasi membuat sushi oleh Puan Mohaslinda binti Mohammad daripada Encik Sushi Kuantan dan pertandingan makan sushi merupakan pengisian utama program ini.



11 - 13
NOV

LAWATAN PERANCANGAN STRATEGIK BERSAMA INDUSTRI UNTUK PERSIAPAN KOLABORASI PMKu TAHUN 2021-2022

2020

Cameron Highland, Pahang



Cameron Highland merupakan salah sebuah lokasi tarikan yang menyumbang kepada ekonomi pelancongan negeri Pahang. Sehubungan itu, PMKu telah menghantar sekumpulan pegawai yang diketuai oleh Puan Ng Siok Giek (Pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri) bagi mengenalpasti syarikat dan industri yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan kompetensi PMKu bagi merancang strategik Kolaborasi PMKu tahun 2021 sehingga 2022. Antara syarikat yang dikunjungi adalah AF Group of Companies yang mempunyai rangkaian anak syarikat AFO Food Industries Sdn Bhd, AF Event Management Sdn Bhd, AF Vision Holding Sdn Bhd dan AF Vision Sdn Bhd.



12
NOV

CONRED'20: SEMINAR PEMBENTANGAN & PENYELIDIKAN PMKu 2020

2020

Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) PMKu



Unit Penyelidikan Inovasi dan Komersil PMKu yang diselaraskan oleh Puan Nurrul Hasannah binti Md Teni dengan jayanya telah menganjurkan program Seminar Pembentangan dan Penyelidikan PMKu 2020. Penyertaan pensyarah adalah terhad mengikut SOP PKPP bagi penggunaan dan pergerakan minimum sepanjang pembentangan berlangsung. Seramai 8 pensyarah telah menentang tajuk penyelidikan masing-masing. Tahniah!

- i. Puan Norsidah binti Othman
- ii. Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff
- iii. Puan Rofidza binti Ramli
- iv. Puan Anis Shabirah binti Md Isa
- v. Cik Zarina binti Mokhtaruddin
- vi. Puan Nurhidayah binti Hilimi
- vii. Puan Nadiatul Hanis binti Jailani
- viii. Puan Sadariah binti Mohd Ariff

13
NOV

2020

SUMBANGAN AMAL RUMAH KEBAJIKAN BAITUL HUSNA

Rumah Kebajikan Baitul Husna, Kuantan, Pahang

Para pelajar DHF4A bersama pensyarah kursus, Puan Nurul Safawati binti Abd. Aziz dan Puan Nurrul Hasanah binti Md Teni telah menghulurkan bantuan wang tunai sebanyak RM1000 dan makanan harian kepada Rumah Kebajikan Baitul Husna. Sumbangan tersebut adalah hasil daripada jualan produk pelajar sepanjang 7 minggu PdP Kursus DTM5033 Event Operation and Management.



20
NOV
2020

QURAN HOUR

Bilik Kuliah 5 dan 6, PMKu



Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) telah mengadakan Program Quran Hour bagi menghidupkan hari Jumaat dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Semoga program seumpama ini diteruskan di PMKu. Tahniah di atas usaha K3P.


23
NOV
2020

FINAL YEAR PROJECT: HOSPITALITY & TOURISM INNOVATION SHOWCASE



Penyelaras Projek Pelajar, Cik Surayhanim binti Ali telah berjaya mengadakan Hospitality & Tourism Innovation Showcase secara atas talian. Para pelajar telah membentangkan projek tahun akhir mereka kepada panel jemputan menerusi aplikasi Google Meet. Terima kasih diucapkan kepada panel jemputan, yang sudi meluangkan masa untuk menilai projek tahun akhir pelajar. Panel yang terlibat adalah:

- Encik Ahmad Nursyafiq bin Amir Luddin, Pengurus Besar Yayasan Al Wardah
- Dr. Mohd Rahimi bin Abdul Halim, Pensyarah UMT
- Puan Nur Saidatun Sheila binti Talibi, Pengarah Pejabat Zon Pantai Timur Perbadanan Harta Intelek Malaysia
- Puan Nor Zahira binti Muhammad Azmi, Timbalan Pengarah Tourism Pahang



26 – 27
NOV
2020

BONDING CAMP K3P

Campstay Sungai Lembing Kuantan Pahang

Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) telah mengadakan kem yang melibatkan kakitangan lelaki PMKu. Pengisian program dengan aktiviti kerohanian dan aktiviti fizikal santai bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli K3P.



27
NOV
2020

PERPISAHAN PUAN INTAN SAFINAS BINTI ABU BAKAR

Bilik Mesyuarat Utama PMKu

Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) turut menganjurkan majlis perpisahan bagi menghargai pensyarah sambilan Bahasa Inggeris yang banyak membantu Jabatan Akademik khususnya Unit Pengajaran Am. Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran penasihat industri PMKu, Dr. Mohd Rahimi bin Abdul Halim, Pensyarah UMT.

